



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (61)  
Tarikh : 7 September 2016

**Ketua Pengarang,  
Tamil Nesan**

Telah difakskan pada: **07 SEP 2016**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR TAMIL NESAN BERTAJUK "5 ORANG DARI KELUARGA YANG SAMA TIADA SIJIL KELAHIRAN ADUAN TERHADAP JPN" BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2016, KHAMIS- M.S: 5**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Sathyamurthy berkaitan permohonan sijil kelahiran lima (5) beradik yang masih belum selesai.
3. Hasil semakan mendapati Encik Ramasamy dan Puan Sellanah telah mengemukakan permohonan pendaftaran lewat kelahiran di JPN Shah Alam bagi lima (5) orang anak mereka iaitu Mageswari (35 tahun), Sarwanan (25 tahun), Vijaya Kumari (17 tahun), Vijay Kumar (17 tahun) dan Santhirasegeran (16 tahun). Ingin dimaklumkan, kesemua anak pengadu dilahirkan di rumah dan tiada dokumen sokongan mengenai kelahiran tersebut berlaku.
4. Ingin dijelaskan bahawa setiap permohonan pendaftaran lewat kelahiran yang berlaku di rumah perlu melalui beberapa prosedur termasuk proses temuduga. Namun demikian, terdapat keraguan dan percanggahan pada keterangan yang dikemukakan pengadu dan saksi-saksi kelahiran tersebut. Oleh yang demikian, permohonan tersebut telah dirujuk ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK), JPN Shah Alam dan masih dalam tindakan bahagian berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELAN**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarang,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.


☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
  2. YBr. TKPPN (P)
  3. YBhg. Dato' TKPPN (O)


RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005  
CERT. NO.: AR 4763